



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA  
JABATAN KEBUDAYAAN  
DAN KESENIAN NEGARA

# SIARAN MEDIA

[www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my)

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 30/2023

## FESTIVAL GENDANG SARAWAK 2023

**KUCHING, 04 November 2023** – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui agensinya, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak (MTCP) dan Pejabat Residen Kuching mengadakan Festival Gendang Sarawak 2023 Dataran Tebingan Sungai Sarawak (Kuching Waterfront) bersempena dengan Sarawak Regatta 2023 pada malam ini.

Pelaksanaan Festival Gendang Sarawak (FGS) berlangsung selama tiga (3) hari, bermula pada 03 hingga 05 November 2023 ini diselaraskan oleh JKKN Sarawak. Ia menjadi landasan penting untuk mempopularkan seni warisan bermukun dan bergendang yang menjadi warisan turun-temurun bagi masyarakat Sarawak tidak kira apa jua etnik yang ada di sini untuk tatapan masyarakat tempatan dan luar Sarawak.

Kerajaan Perpaduan melalui Belanjawan 2024 juga telah mengambil inisiatif di bawah Pelan Pemulihan Pelancongan MOTAC melalui pemberian Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) kepada pemain-pemain Industri Seni Budaya. **Sebanyak 21 persatuan** di Sarawak telah menerima pemberian geran ini dengan **jumlah**

**keseluruhan peruntukan adalah sebanyak RM1,480,000.00.** MOTAC menerusi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara juga telah meluluskan Jawatankuasa Pemberian Bantuan Kerajaan (JPBK) menerusi Insentif Seni Kewangan kepada **enam (6) persatuan seni budaya di Sarawak.** Pemberian bantuan ini melibatkan **peruntukan sebanyak RM47,250.00** bagi tahun **2023.**

Sejak FGS ini diadadakan pada tahun 2014, seramai 248,798 orang khalayak domestik telah hadir ke festival ini. Manakala seramai 20,552 orang khalayak antarabangsa telah hadir ke acara ini bagi sembilan (9) kali pelaksanaannya sehingga tahun 2022.

Terdapat 11 kategori pertandingan telah disenaraikan sebagai pengisian utama dalam Festival Gendang Sarawak bagi tahun 2023 iaitu;

1. Pertandingan Gendang Melayu Sarawak (Utama)
2. Pertandingan Tandak Berpasangan Kategori Dewasa Lelaki (Terbuka)
3. Pertandingan Tandak Berpasangan Kategori Kanak-Kanak Lelaki
4. Pertandingan Seh Gendang Berpasangan Wanita
5. Pertandingan Busana dan Tatarias Gendang Melayu Sarawak
6. Pertandingan Nyanyian Lagu Gendang Melayu Sarawak
7. Pertandingan Lagu Gendang Melayu Sarawak
8. Pertandingan Bakat Kenyalang FGS
9. Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak
10. Pertandingan Tulisan Khat
11. Pertandingan Kaligrafi Cina

Festival Gendang Sarawak 2023 akan diserikan dengan persembahan artis-artis tempatan seperti Claudia Geres, Charlyn Daring, Sayu Ateng, Starla Band dan Kumpulan Bimbingan Seni Cemerlang (KBSC) JKKN Sarawak. Turut sama memeriahkan FGS 2023, penyanyi jemputan yang terkenal dengan lagu Melayu Asli dalam kalangan generasi muda, Haziq Rosebi.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari laman sesawang JKKN iaitu [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my) ataupun boleh layari *facebook* JKKN melalui pautan [www.facebook.com/mysenibudaya](http://www.facebook.com/mysenibudaya).

**-TAMAT-**

**Dikeluarkan Oleh:**

Unit Komunikasi Korporat  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara  
Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

**Laman Sesawang:** [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my) **E-mel:** [ukk@jkkn.gov.my](mailto:ukk@jkkn.gov.my)

**Platform Media Sosial Rasmi JKKN:**

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya  
Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

**Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi**

Mazidah binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN <a href="mailto:mazidah@jkkn.gov.my">mazidah@jkkn.gov.my</a> Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Eldawati binti Laung Pegawai Kebudayaan Unit Komunikasi Korporat, JKKN <a href="mailto:eldawati@jkkn.gov.my">eldawati@jkkn.gov.my</a> Tel: 03-2614 8200 / 019-809 1805
--	--